



PERLEMBAGAAN KELAB PPKT USM KAMPUS KEJURUTERAAN

1. NAMA, PEJABAT DAN ALAMAT

1.1 Nama Kelab :

Kelab PPKT USM Kampus Kejuruteraan

1.2 Pejabat dan Alamat :

Kelab PPKT

Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi

Kampus Kejuruteraan

Universiti Sains Malaysia

Seri Ampangan

14300, Nibong Tebal

Seberang Perai Selatan

Pulau Pinang

2. OBJEKTIF PENUBUHAN DAN FAEDAH KEAHLIAN

2.1 Memupuk persefahaman dan perhubungan silaturrahim di antara kakitangan dan anggota keluarga kakitangan PPKT khususnya dan juga di kalangan masyarakat universiti amnya.

2.2 Mengambil berat tentang kebajikan AHLI dengan cara menyumbang derma kepada AHLI atau waris mereka atas sebab-sebab berikut :

2.2.1 Kematian

(a) AHLI – RM500.00

(b) Waris AHLI - RM100.00 (ibu, bapa, isteri, suami dan anak)

2.2.2 Masuk Hospital

Bagi AHLI yang sakit dan dimasukkan ke wad-wad hospital layak menerima sumbangan seperti berikut :

Faedah atau derma ini tidak termasuk atas sebab bersalin. Faedah ini juga terhad dinikmati sekali dalam tempoh setahun.

(a) 2 hari hingga 6 hari – RM50.00

(b) 7 hari dan lebih – RM150.00

2.2.3 Perkahwinan AHLI

RM50.00 untuk perkahwinan pertama AHLI semasa bertugas di PPKT.

2.2.4 Kelahiran Anak AHLI



RM50.00 untuk setiap kelahiran pertama AHLI semasa bertugas di PPKT dan RM30 untuk kelahiran seterusnya.

2.2.5 Tamat Perkhidmatan di Universiti / Pertukaran Keluar Dari PPKT Secara Kekal

Tidak melebihi RM150.00 untuk mengadakan jamuan dan cenderamata bagi AHLI yang berhenti dari perkhidmatan atau berpindah tempat bertugas secara kekal dari PPKT

Catatan : Bagi perkara **2.2.1, 2.2.2, 2.2.3, 2.2.4** dan **2.2.5**, Setiausaha atau wakil dibenarkan juga menjalankan kutipan derma secara kilat sebagai sumbangan tambahan di samping peruntukan tetap yang dinyatakan di atas.

Semua tuntutan kebajikan yang disebutkan haruslah dipohon melalui borang tuntutan yang disediakan oleh **Jawatankuasa Eksekutif** (Borang A).

- 2.3 Menganjurkan aktiviti-aktiviti kebajikan, kerohanian, sukan dan aktiviti-aktiviti yang berfaedah kepada AHLI yang tidak melanggar tatasusila budaya, bangsa dan agama, mengikut budi bicara **Jawatankuasa Eksekutif**.

3. KEAHLIAN

- 3.1 Semua kakitangan PPKT Kampus Kejuruteraan diwajibkan menjadi AHLI termasuk yang dipinjamkan dari jabatan lain ke PPKT Kampus Kejuruteraan. Bagi staf PPKT yang dipinjamkan ke jabatan lain digalakkan menjadi AHLI. Keahlian lain yang difikirkan munasabah oleh **Jawatankuasa Eksekutif** boleh dipertimbangkan.
- 3.2 Keahlian akan tamat dengan sendirinya dari tarikh seseorang AHLI itu berhenti perkhidmatan beliau dengan PPKT
- 3.3 Faedah keahliannya akan dilucutkan atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh **Jawatankuasa Eksekutif**.

4. JAWATANKUASA EKSEKUTIF

- 4.1 Jawatankuasa Eksekutif adalah badan yang mentadbir dan memastikan perjalanan Kelab PPKT yang selaras dengan peruntukan Perlembagaan Kelab PPKT.
- 4.2 Semua ahli Jawatankuasa Eksekutif yang dilantik pada Mesyuarat Agung akan memegang jawatan sehingga dibubarkan semasa Mesyuarat Agung berikutnya yang diadakan seperti termaktub di bawah **Perkara 8**. Mereka juga layak untuk dicalon dan dilantik semula pada Mesyuarat Agung yang diadakan pada tahun-tahun berikutnya.
- 4.3 Peranan Jawatankuasa Eksekutif
 - 4.3.1 Badan yang mentadbir perjalanan kelab
 - 4.3.2 Memegang jawatan sehingga dibubarkan



- 4.3.3 Mempunyai kuasa untuk memutuskan hal yang bersangkutan dengan perjalanan kelab
- 4.3.4 Mempunyai kuasa untuk menerima dan menolak usul untuk dibentangkan dan dibahas dalam Mesyuarat Agung sekiranya tidak munasabah dengan kepentingan kelab
- 4.3.5 Hendaklah merujuk kepada Penasihat sekiranya mempunyai kekeliruan dan tidak dapat membuat keputusan
- 4.4 Jawatankuasa Eksekutif mempunyai kuasa untuk memutuskan segala perihal yang bersangkutan dengan perjalanan Kelab PPKT, mengikut objektif dan semangat yang terkandung di dalam Perlembagaan ini.
- 4.5 Jawatankuasa Eksekutif mempunyai kuasa untuk menerima atau menolak mana-mana usul yang diterima daripada AHLI untuk dibentang dan dibahas dalam Mesyuarat Agung, jika usul itu tidak munasabah dan bercanggah dengan kepentingan Kelab PPKT.
- 4.6 Jawatankuasa Eksekutif hendaklah merujuk kepada Penasihat sekiranya Jawatankuasa Eksekutif mempunyai kekeliruan dan tidak dapat membuat keputusan. Keputusan yang dibuat setelah menerima nasihat daripada Penasihat adalah muktamad.
- 4.7 Jawatankuasa Eksekutif dibenarkan melantik keanggotaan khas dari kalangan ahli untuk mengetuai portfolio-portfolio yang difikirkan sesuai dengan perjalanan kelab.

5. PENASIHAT

Timbalan Ketua Pegawai Maklumat atau Ketua Jabatan, PPKT USM Kampus Kejuruteraan adalah secara automatik menjadi Penasihat Kelab PPKT. Peranan Penasihat adalah memberi nasihat sekiranya diminta oleh Jawatankuasa Eksekutif untuk sesuatu perkara berbangkit.

6. KEWANGAN

- 6.1 Bendahari bertanggungjawab menyimpan, merekod segala butir-butir tentang penerimaan dan perbelanjaan kewangan Kelab PPKT dan menyimpan wang, dokumen-dokumen kewangan di tempat yang selamat mengikut budibicara beliau.
- 6.2 Bendahari hendaklah menyediakan laporan kewangan untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Eksekutif pada mesyuarat berkala.
- 6.3 Bendahari hendaklah menyediakan laporan kewangan yang berakhir pada **31 Disember** untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif untuk kelulusan dan kemudiannya dikemukakan kepada dua orang Juru Audit yang dilantik untuk diaudit. Laporan Kewangan yang telah diaudit hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha untuk dicetak dan diedarkan kepada AHLI seperti yang termaktub di bawah **Perkara 8.5**.
- 6.4 Kadar bayaran yuran bulanan untuk AHLI ditetapkan seperti berikut :
 - (a) Gred 41 dan ke atas – RM10.00



- (b) Gred 27 sehingga 38 – RM9.00
- (c) Gred 1 sehingga 26 – RM8.00
- 6.5 Adalah menjadi tanggungjawab setiap AHLI untuk menjelaskan sendiri yuran bulanan masing-masing kepada Bendahari yang dilantik semasa Mesyuarat Agung.
- 6.6 Setiap perbelanjaan yang dikeluarkan hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Eksekutif atau Presiden jika mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif tidak dapat diadakan.

7. JURUAUDIT DALAM

- 7.1 Dua orang AHLI yang dilantik (bukan daripada ahli Jawatankuasa Eksekutif) hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung sebagai Juru Audit Dalam bagi menyemak pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap tahun kewangan.
- 7.2 Juru Audit Dalam hendaklah memeriksa akaun dan dokumen-dokumen kewangan Kelab PPKT sekali setahun.
- 7.3 Juru Audit Dalam yang dilantik itu layak dilantik semula pada Mesyuarat Agung berikutnya tetapi hendaklah tidak melebihi dua (2) penggal berturut-turut.

8. MESYUARAT AGUNG PEMILIHAN

- 8.1 Mesyuarat Agung Pemilihan hendaklah diadakan DUA tahun sekali dan tidak lewat dua (2) bulan selepas tarikh penutupan akaun kewangan Kelab PPKT (31 Disember)
- 8.2 Setiausaha hendaklah mengeluarkan notis Mesyuarat Agung kepada semua AHLI sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat untuk memberitahu tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan juga meminta AHLI mengemukakan usul-usul secara bertulis.
- 8.3 Agenda Mesyuarat Agung Pemilihan ditetapkan seperti berikut :
 - (a) Ucapan Presiden
 - (b) Ucapan Penasihat
 - (c) Pengesahan Minit Mesyuarat Agung yang lepas
 - (d) Pembentangan dan penerimaan Laporan Tahunan
 - (e) Pembentangan dan penerimaan Laporan Kewangan Tahunan
 - (f) Pembentangan dan perbincangan usul dari AHLI dan Jawatankuasa Eksekutif
 - (g) Pembubaran ahli Jawatankuasa Eksekutif
 - (h) Perlantikan Pengerusi Majlis untuk mengendalikan perlantikan Jawatankuasa Eksekutif yang baru
 - (i) Perlantikan untuk jawatan-jawatan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha, Naib Setiausaha dan Bendahari serta 2 orang Juru Audit
 - (g) Ucapan penangguhan oleh Presiden baru
- 8.4 AHLI hendaklah menghantar usul-usul kepada Setiausaha, tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung.



- 8.5 Setiausaha hendaklah mengedarkan Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan yang disediakan oleh Bendahari (yang telah diaudit), segala usul yang diterima daripada AHLI atau usul-usul daripada Jawatankuasa Eksekutif kepada semua AHLI, sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung diadakan.
- 8.6 Korum hendaklah tidak kurang daripada **2/3** jumlah AHLI.

9. MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

- 9.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh dipanggil atas permintaan Jawatankuasa Eksekutif atau permintaan secara bertulis tidak kurang daripada 1/3 jumlah AHLI, khusus untuk membincang usul atau sesuatu isu yang terlalu mustahak dan segera sifatnya, yang tidak boleh ditangguhkan sehingga Mesyuarat Agung.
- 9.2 Usul untuk meminta Presiden memanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa ini hendaklah dibincang di peringkat Jawatankuasa Eksekutif dengan persetujuan Penasihat; yang mana keputusan yang dibuat sama ada perlu atau tidak diadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa oleh Jawatankuasa Eksekutif adalah muktamad. (disemak semula)
- 9.3 Sekiranya Mesyuarat Agung Luar Biasa perlu diadakan maka Setiausaha hendaklah mengeluarkan notis mesyuarat 7 hari selepas Jawatankuasa Eksekutif membuat keputusan yang memberitahu tarikh, masa, tempat dan agenda atau tujuan mesyuarat dan hendaklah diedarkan kepada semua AHLI sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh Mesyuarat itu ditetapkan.

10. PENGUNDIAN

- 10.1 Semua pengundian yang berkaitan dengan pemilihan anggota Jawatankuasa Eksekutif dan usul-usul yang dikemukakan di dalam Mesyuarat Agung, Mesyuarat Agung Luar Biasa atau Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bolehlah diadakan secara mengangkat tangan dengan keputusan dibuat melalui undi majoriti.
- 10.2 Undi majoriti menentukan pengundian. Sekiranya berlaku persamaan undi maka undi Pengerusi menjadi undi pemutus.
- 10.3 Pengundian secara sulit boleh juga diamalkan. Walaubagaimana pun, ia bergantung kepada budi bicara Presiden / Pengerusi mesyuarat yang bertujuan untuk mengelakkan perpecahan AHLI.

11. MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF

- 11.1 Setiausaha hendaklah dengan persetujuan Presiden memanggil mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) bulan.
- 11.2 Setiausaha dengan persetujuan Presiden boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Khas pada bila-bila masa yang difikirkan perlu untuk membincangkan isu atau sebarang perkara yang memerlukan perhatian, tindakan dan keputusan segera.



- 11.3 Setiausaha hendaklah menyediakan dan mengedarkan agenda dan minit mesyuarat, laporan kewangan dan laporan-laporan lain (jika perlu) untuk perbincangan sebelum mengadakan setiap mesyuarat; sebaiknya lima (5) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 11.4 Korum hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang.
- 11.5 Presiden hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat. Walau bagaimana pun, dalam ketiadaan Presiden, Naib Presiden akan mempengerusikan mesyuarat.

12. PERLETAKAN JAWATAN

- 12.1 Sebarang perletakan jawatan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Presiden melalui Setiausaha Kelab PPKT.
- 12.2 Setiausaha akan memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif untuk memutuskan sama ada perletakan jawatan itu boleh diterima atau sebaliknya.
- 12.3 Sekiranya diterima maka Jawatankuasa Eksekutif berhak melantik seorang dari kalangan AHLI untuk mengambil alih jawatan yang dikosongkan itu sehingga Mesyuarat Agung berikutnya diadakan.

13. PINDAAN PERLEMBAGAAN

Pindaan kepada Perlembagaan, sama ada pada keseluruhannya atau sebahagian peruntukannya hendaklah dikemukakan sebagai usul dan mestilah diluluskan oleh tidak kurang 2/3 keahlian yang hadir di dalam Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.

14. PEMBUBARAN

- 14.1 Kelab PPKT hanya boleh dibubarkan sekiranya kegiatannya tidak lagi memberi manfaat kepada PPKT atau AHLInya.
- 14.2 Keputusan untuk membubarkan Kelab PPKT hendaklah dibuat melalui usul bertulis yang ditandatangani oleh tidak kurang daripada 2/3 daripada AHLI. Usul tersebut hendaklah dihantar kepada Setiausaha.
- 14.3 Setiausaha dengan persetujuan Presiden dan Penasihat Kelab PPKT akan memanggil mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif untuk membincangkan usul yang dikemukakan.
- 14.4 Sekiranya Jawatankuasa Eksekutif berpendapat Kelab PPKT wajar dibubarkan maka Setiausaha akan mengeluarkan notis untuk memanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa dan kehadiran 2/3 daripada AHLI adalah diwajibkan.
- 14.5 Sekiranya 2/3 daripada AHLI yang menghadiri Mesyuarat Agung Luar Biasa bersetuju membubarkan Kelab PPKT maka segala wang, harta yang mungkin ada akan diputuskan mengikut keputusan bersama yang dicapai.
- 14.6 Sekiranya berlaku kemungkinan Kelab PPKT menanggung hutang maka AHLI-AHLI yang hadir mestilah mengemukakan usul tergepar untuk menyelesaikan masalah itu secara yang berkesan.